

23 OCT 2003

MALAYSIA-SEDIA

MALAYSIA SEDIA HADAPI TINDAKAN PELOBI YAHUDI

KLANG, 23 Okt (Bernama) -- Malaysia bersedia untuk menghadapi sebarang bentuk tindak balas daripada kumpulan berkepentingan Yahudi ekoran kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sidang Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) baru-baru ini yang dikecam kerana bersifat anti-semitik.

"Kita akan bersedia," kata Timbalan Menteri Kewangan Datuk Dr Shafie Salleh ketika diminta mengulas tindakan sebuah badan pelobi berkepentingan Yahudi yang berpengaruh di Amerika Syarikat yang menghasut untuk memboikot Malaysia.

Shafie ditemui pemberita selepas merasmikan pecah tanah Balai Polis Telok Panglima Garang dekat sini hari ini.

Badan itu, Pusat Simon Wiesenthal, dilaporkan telah melancarkan kecaman balas terhadap Dr Mahathir kerana melabel kaum Yahudi bangsa yang angkuh dan mengatakan mereka menguasai dunia menerusi proksi.

Pusat itu menggesa pelabur dan pelancong supaya tidak mengunjungi Malaysia sehingga jelas penggantinya tidak menyokong pandangan itu apabila beliau bersara penghujung bulan ini.

Pusat Simon Wiesenthal adalah pertubuhan hak asasi Yahudi terbesar di dunia dengan lebih 400,000 anggota di Amerika.

Shafie berkata perkara itu akan dibincangkan secara intensif di Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN).

Beliau berkata "hubungan" antara kerajaan dan kerajaan dan peniaga merupakan dua peringkat berbeza.

"Contohnya, sekiranya kerajaan dengan kerajaan bergaduh, tetapi peniaga di mana ada untung dia akan datang," katanya. --BERNAMA

LES AHM